

Kit Siang perlu ub.ah diri

228 227 87
2285 822
512225822

UM 18 AUG 2001
Oleh JOHARDY IBRAHIM

DI samping isu pembentukan negara Islam Pas, Kongres Kebangsaan DAP dua hari bermula hari ini, akan tertumpu kepada kedudukan Pengerusinya, Lim Kit Siang. Beliau yang lantang mengkritik Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa menyambut ulang tahun 20 tahun perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri, tidak menyangka anggota-anggota DAP sendiri akan menyanggah dirinya.

Sebenarnya, Kit Siang telah memegang tampuk kekuasaan dalam DAP sebagai Setiausaha Agung selama 30 tahun sejak 1969 lagi.

Hanyalah pada tahun lalu, beliau terpaksa mengambil alih jawatan Pengerusi parti ekoran peletakan jawatan Dr. Chan Man Hin yang menerima tanggungjawab kekalahan calon-calon DAP pada pilihan raya umum 1999.

Kontroversi bermula gara-gara gesaan Ketua Pemuda Sosialis partiitu (DAPSY), Teng Chang Khim kepada Kit Siang supaya menolak pencalonan semula pada pemilihan parti akan datang bagi memberi laluan kepada pemimpin muda.

Suara protes Teng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Bandar Klang, yang dilihat mewakili golongan muda di dalam parti, bukanlah sesuatu yang baru.

Namun, sejarah telah membuktikan sesiapa yang cuba menentang Kit Siang dan keputusan-keputusannya akan menghadapi masalah dalam karier nolitik mereka.

Lihat saja apa yang berlaku kepada bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang, Wee Choo Keong yang membantah 'perhatian istimewa' Kit Siang terhadap anaknya, Lim Guan Eng. Wee bukan saja dipinggirkan, malah dipecat daripada parti.

Wee yang kini menjadi Setiausaha Agung Parti Demokratik Malaysia (MDP) berkata, masa depan politik Teng sudah jelas tidak akan kekal lama.

"CEC DAP menegur Teng kerana membuat kenyataan di dalam media mengenai masalah parti.

Sejarah

"Tetapi sepanjang tempoh 1996 hingga 1998, kami cuba membuat perubahan dan menyatakannya secara dalaman pun dikenakan tindakan," ujarnya.

Menurut Wee, jika Teng tidak disingkirkan sebagai Ketua Pemuda DAP, beliau pasti tidak akan dicalonkan semula sebagai calon pilihan raya DAP.

Kit Siang mengambil alih jawatan Setiausaha Agung daripada Goh Hock Guan pada 1969 ekoran kebimbangan Goh bahawa beliau akan ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana disyaki terbabit dalam tranadi 13 Mei.

Ketika itu, Goh baru saja kembali dari lawatan ke Eoraah dan berada di Singapura apabila beliau membuat keputusan untuk meletak jawatan dalam parti.

Goh yakin beliau akan ditangkap oleh kerajaan jika pulang ke Malaysia -- sesuatu yang beliau tidak bersedia untuk hadapi walaupun agra pemimpin DAP datann memujuknya di Singapura.

Goh mengemukakan surat peletakan jawatannya sebagai Setiausaha Agung pada 1 Oktober 1969 dari Hong Kong dan bermulalah legasi Kit Siang dalam DAP yang ketika itu sedang ditahan di bawah ISA.

Rekod Kit Siang selama 30 tahun sebagai Setiausaha Agung tidak mungkin dapat digugat dalam sejarah parti itu.

Menurut penganalisis politik, pemilihan Kerk Kim Hock sebagai Setiausaha Agung dianjurkan sendiri oleh Kit Siang, malah diberikan kerusi selamat DAP iaitu Kota Melaka bagi menggantikan 'buat sementara' anaknya, Lim Guan Eng.

Beberapa penganalisis politik, terutama di akhbar-akhbar berbahasa Cina rancang membahaskan isu terbaru yang menyelubungi Kit Siang menjelang Kongres Kebangsaan DAP pada 18 dan 19 Ogos ini.

Rata-rata mereka bersependapat Kit Siang tidak ada apa lagi yang perlu dibuktikan di dalam arena politik kebangsaan.

"Beliau sepatutnya mengubah dirinya daripada sekadar ahli politik pembangkang menjadi pembangkang negarawan," kata seorang penganalisis itu.